



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh:

Bilangan 1/2004

Ruj: UMS(S)/PN2.1/P5/8

### CADANGAN PERJALANAN KELUAR NEGARA BAGI TAHUN 2004 PUSAT TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi melaksanakan arahan Kerajaan kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam mengenai Cadangan Perjalanan Keluar Negara bagi tahun 2004.

#### 2.0 KANDUNGAN

- 2.1 Selaras dengan pelaksanaan arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2002, Pihak Pengurusan dikehendaki mengemukakan setiap permohonan atau cadangan perjalanan keluar negara kepada Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Profesor/Tuan/Puan diminta mengambil maklum dan memberikan kerjasama mengemukakan cadangan mengikut format-format yang dilampirkan bagi mendapatkan kelulusan secara '**Blanket**' daripada Pihak Pengurusan mengenai sebarang perancangan atau cadangan untuk keluar negara atas urusan rasmi.
- 2.3 Borang-borang yang perlu diisi adalah seperti berikut:
  - 2.3.1 Senarai Cadangan bagi perjalanan keluar negara tahun 2004 Pusat Tanggungjawab (PTJ) - **Borang A**
  - 2.3.2 Urusan perjalanan ke luar negara PTJ – **Borang B**  
[Bagi Urusan menghadiri persidangan dan seminar luar negara adalah tertakluk di bawah kelulusan pusat penyelidikan dan persidangan]

### 3.0 PENUTUP

- 3.1 Pihak Pengurusan Universiti akan menimbang semua permohonan perjalanan yang berkenaan sebelum dimajukan kepada Bahagian Dasar Dan Pengurusan Korporat Kementerian Pendidikan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Malaysia.
- 3.2 Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini pada atau sebelum **30 Januari 2004.**

### "BERTEKAD CEMERLANG"

Sekian. Terima Kasih.

Yang ikhlas



**HEILA LADIN MOHD. DAHALAN**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik)
  - Timbalan Naib Caselor (Hal-Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)